

UMP anjur *5th (5/5/07)* NaCSES07 *Sabtu* *Nasional* *126:20*

KUANTAN: Buat julung kalinya, Universiti Malaysia Pahang (UMP) akan menganjurkan Persidangan Kebangsaan Kejuruteraan Perisian dan Sistem Komputer (NaCSES07) yang berlangsung pada 20 dan 21 Ogos ini.

Persidangan itu dianjurkan Fakulti Sistem Komputer dan Kejuruteraan Perisian (PSKKP), UMP.

Pengerusi NaCSES07, Profesor Madya Ruzaini Abdullah Arshah, berkata lebih 200 kertas kerja akan dibentangkan sepanjang persidangan dua hari itu.

"Persidangan kebangsaan NaCSES07 bertujuan mewujudkan platform bagi penyelidik dan industri membentangkan dan berkongsi pengetahuan serta pengalaman mengenai aplikasi, metodologi dan teknologi terkini.

"Kertas kerja lain yang turut dibentangkan berhubung kait soal kejuruteraan perisian terutama dalam industri bioteknologi, pembuatan dan automotif," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata, keperluan pembangunan perisian 'fast track' amat kritikal bagi memenuhi permintaan tinggi untuk produk berasaskan perisian berikutan perkembangan pesat teknologi dan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam hampir semua bidang kehidupan harian.